



**TEKS UCAPAN
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR
DAN WILAYAH**

**YANG BERHORMAT
DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI**

**MAJLIS PENUTUP
PROGRAM SIJIL TADBIR URUS DESA
ZON SARAWAK FASA 2**

**12 Oktober 2017 (Khamis)
Hotel Mega, Miri, Sarawak**

SELAMAT PAGI, SELAMAT SEJAHTERA DAN SALAM NEGARAKU MALAYSIA

Terlebih dahulu saya merakamkan kesyukuran kerana pada hari ini kita dapat bersama dalam Majlis Penutup Program Sijil Tadbir Urus Desa INFRA-UniKL Fasa 2 bagi Zon Sarawak. Sebagai makluman tuan-tuan dan puan-puan, Program Fasa 1 bagi Zon Sarawak telah diadakan pada 23 - 25 Mei 2017 di Kuching yang dihadiri oleh 500 orang JKKK dari Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian.

2. Bersama kita dalam dewan ini adalah 500 orang JKKK dari daerah Miri, Beluru, Niah, Marudi, Long Lama, Tatau, Bintulu, Limbang dan Lawas yang telah mengikuti dengan jayanya program ini bermula pada hari Selasa 10 Oktober 2017 dan berakhir pada hari ini. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang sentiasa memberikan kerjasama penuh dalam pelaksanaan program-program dan projek di bawah kelolaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) khususnya bagi menjayakan program Sijil Tadbir Urus Desa Fasa 2 ini.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

3. Pogram Sijil Tadbir Urus Desa ini amat penting kepada kepimpinan JKKK kerana ia tidak hanya menyediakan pengetahuan dan kemahiran berkaitan tadbir urus desa tetapi yang lebih penting lagi adalah pengiktirafan Kerajaan terhadap kepentingan institusi JKKK sebagai ejen Transformasi Luar Bandar di peringkat akar umbi di seluruh negara.

4. Peranan ini juga adalah sejajar dengan dasar-dasar Kerajaan hari ini yang melihat pembangunan luar bandar sebagai agenda nasional manakala institusi JKKK adalah pemangkin untuk menjayakan dasar dan aspirasi tersebut di peringkat akar umbi. Justeru, untuk memikul peranan ini kesemua kepimpinan JKKK perlu diperkasakan dari segi pengetahuan dan kemahiran mentadbir urus desa pada tahap yang lebih profesional. Untuk itu, KKLW telah membangunkan Program Sijil Tabdir Urus Desa melalui kepakaran Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

5. Program latihan ini antara pelbagai inisiatif KKLW untuk memperkasakan institusi JKKK. Malah, saranan pemerksaan ini turut disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang melihat akan pentingnya institusi JKKK dipertingkatkan dari aspek peranan dan kemahiran kepimpinannya. Oleh itu, Tuan-Tuan dan Puan-Puan perlulah memanfaatkan segala pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk diadaptsi dalam tugas seharian bagi memastikan kampung-kampung dan rumah-rumah

panjang mencapai kriteria standard kampung Anugerah Desa Perdana meliputi keteguhan semangat patriotisme dan kemasyarakatan, keberkesanan kepimpinan dan pentadbiran, kesungguhan dalam menjayakan pendidikan dan latihan, kejayaan ekonomi dan keusahawanan, kesungguhan komitmen belia, penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi, komitmen dalam penjagaan kebersihan, kesihatan dan keceriaan kampung serta komitmen dalam pengawasan kemudahan asas kampung.

6. Pada hemat saya, modul pembelajaran yang diliputi oleh program ini iaitu **pengurusan desa dan kewangan jkkk, keusahawanan, pelan strategik desa, pemantauan projek dan tanggungjawab sebagai pendaftar pemilih** amat bertepatan dan relevan dengan fungsi dan peranan institusi JKJK.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

7. Saya juga ingin berkongsi pandangan dalam menjayakan agenda pembangunan kampung dan rumah-rumah panjang yang diterajui oleh institusi JKJK. Sebagai institusi yang penting kepada masyarakat luar bandar, kepimpinan JKJK perlu mengamalkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk mencapai perkara-perkara berikut.

Pertama : Memberi kesan kepada kemajuan sosio ekonomi kampung ke arah peningkatan pendapatan dan kesejahteraan hidup warga kampung.

Kedua : Memanfaatkan segala kemudahan dan sumber yang ada untuk kemajuan kampung seperti menjalankan aktiviti ekonomi menggunakan sumber semulajadi kampung contohnya menggunakan budaya dan keindahan semulajadi kampung sebagai tarikan pelancong.

Ketiga : Memperkukuhkan sokongan rakyat kepada Kerajaan dengan menyampaikan maklumat yang tepat mengenai dasar-dasar Kerajaan serta memperbetulkan persepsi negatif masyarakat kampung masing-masing.

Keempat : Membawa perubahan untuk faedah masa hadapan kepada komuniti kampung melalui hebahan dan galakan pendidikan, latihan serta budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan anggota masyarakat.

8. Perkara-perkara yang saya sarankan tersebut adalah petunjuk kepada kepimpinan institusi JKJK yang berkesan. Sekiranya perkara-perkara seperti ini masih belum mampu dicapai oleh JKJK bermakna peranan dan gerakerja JKJK belum mencapai tahap yang berkesan. Di sini kita perlu melihat semula sejauhmanakah institusi JKJK dapat mentadbir desa dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.

9. Dengan perencanaan yang berkesan, pelbagai sumber yang ada di kampung dapat diterokai dan dimanfaatkan sebagai sumber ekonomi yang berdaya saing. Begitu juga sumber berasaskan warisan sejarah, seni dan budaya boleh diangkat sebagai produk atau perkhidmatan yang boleh membawa pulangan ekonomi. Penerokaan ini perlu difikirkan oleh institusi JKKK melalui lontaran idea dan sumbang saran secara kolektif bersama masyarakat untuk membawa kampung ke arah yang lebih produktif dan kompetitif.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

10. Pada kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada kepimpinan JKKK untuk memberi perhatian kepada saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa berucap dalam Konvensyen JKKK Peringkat Kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada **22 Ogos 2017** yang lalu. Perkara-perkara itu dirumuskan seperti berikut :

- i. Menenal pasti kehendak penduduk kampung;
- ii. Memperbetulkan persepsi penduduk kampung terhadap kerajaan dalam era **"peperangan politik"** oleh pihak yang tidak bertanggungjawab;
- iii. Memahami fakta yang betul tentang isu semasa supaya kerajaan tidak menjadi **mangsa permainan politik**;
- iv. Menyelidik dahulu berita yang disebarkan melalui media sosial;
- v. Mesti tahu menggunakan media baharu untuk menghadapi dimensi baharu dalam era memerangi persepsi tidak benar; dan
- vi. Berfikiran waras dalam memohon sesuatu kepada kerajaan dan memahami bahawa untuk membangunkan sesebuah negara, kerajaan perlu mengambil masa dan menghadapi pelbagai cabaran.

11. Saya ingin mengingatkan sekali lagi bahawa maju dan mundurnya kampung adalah tanggungjawab kita bersama. Justeru, institusi JKKK dan semua peringkat masyarakat di kampung perlu sama-sama berkerja keras dan bersatupadu dalam menjayakan misi memajukan kampung masing-masing.

12. Kementerian yakin institusi JKKK boleh menentukan hala tuju kemajuan desa ke tahap yang lebih baik pada masa akan datang. Kesungguhan Tuan-Tuan dan Puan-

Puan menghadiri program latihan ini adalah komitmen awal ke arah perubahan masa hadapan untuk pembangunan kampung yang lebih cemerlang.

13. Bagi memastikan kita dapat meneruskan agenda kemajuan kampung, sokongan padu daripada rakyat amat penting agar pimpinan Kerajaan sedia ada dapat dipertahankan. Justeru, selaku pemimpin tertinggi di peringkat kampung, saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan dapat memainkan peranan untuk meyakinkan masyarakat untuk terus memberikan sokongan penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional pada pilihanraya akan datang. Ia adalah penting bagi memastikan segala agenda pembangunan yang telah kita rancang dapat dijayakan untuk manfaat semua rakyat. Semoga dengan sokongan padu ini kita dapat merealisasikan matlamat Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020 dan seterusnya menjadi masyarakat yang berdaya tahan dan berdaya saing bagi menjayakan Transformasi Nasional 2050.

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **syabas** dan tahniah kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang telah berjaya mengikuti program Sijil Tadbir Urus Desa ini dengan jayanya. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan program ini khususnya jabatan Ketua Menteri Sarawak, Pejabat Residan dan Daerah Bahagian Miri, Ahli-ahli Yang Berhormat serta jabatan-jabatan peringkat negeri dan persekutuan.

15. Saya berharap agar segala usaha yang dilaksanakan akan beroleh keberkatan dan mencapai matlamat yang dihasratkan. Sekian, saya dengan rasminya menutup Program Sijil Tadbir Urus Desa

Sekian, Terima kasih.

Institut Kemajuan Desa
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Oktober 2017